

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,  
MAHKAMAH AGUNG,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR.

Telefon: 2939011

Rujukan: JK.MA/16 Bil(80)

Tarikh: 28hb Julai 1990

Semua Penolong Kanan Pendaftar,  
Semua Pendaftar Mahkamah Rendah,  
Semenanjung Malaysia.

Pekeliling Pendaftar No. 5 Tahun 1990

Sebagaimana yang telah dimaklumkan bahawa Pelaksanaan Penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah telah berkuatkuasa mulai dari 1hb Jun 1990. Sehubungan dengan itu satu Arahan Amalan Hakim Besar Malaya No. 2 Tahun 1990 telah dikeluarkan.

2. Sebagai garis panduan lanjut, YAA Hakim Besar Malaya telah mengarahkan bahawa mana-mana petisyen berkaitan dengan Perceraian dan Prosiding Hal-Ehwal Suami Isteri, Kebankrapan dan Penggulangan Syarikat, dibenar difailkan dalam bahasa Inggeris sehingga kaedah-kaedah berkenaan dengannya selesai diterjemah dan diwartakan.

3. Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta sehingga diberitahu kelak.

Sekian.



(MOHD. GHAZALI BIN MOHD. YUSOFF)  
Ketua Pendaftar,  
Mahkamah Agung.

s.k.

1. YAA Ketua Hakim Negara.
2. YAA Hakim Besar Malaya.
3. YAA Hakim Besar Borneo - (untuk makluman).
4. YB Peguam Negara Malaysia - (Penerjemahan segera kaedah-kaedah yang berkenaan sangat dihargai).
5. Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya.
6. Semua Hakim Mahkamah Sesyen.
7. Majlis Peguam Malaysia.
8. Bahagian Penyelidikan dan Seretariat Bahasa Malaysia, Mahkamah Agung.